AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : MUKA DEPAN
RUANGAN : NASIONAL

# Pesakit muda kini lebih ramai dalam ICU

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Latifah Arifin
bhnewsh@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Situasi semasa COVID-19 menunjukkan peningkatan kes kategori empat dan lima membabitkan kumpulan pesakit lebih muda yang terpaksa dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) berbanding warga emas.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata situasi itu berdasarkan laporan diterima daripada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) kesihatan awam dan CPRC khidmat hospital.

"Melihat kepada situasi jumlah kes harian yang berada dalam rekod (KKM), sememangnya katil di hospital terutama di ICU dan yang menggunakan ventilator mencatatkan penambahan penggunaan.

"Daripada laporan kita terima kumpulan umur lebih muda khususnya berumur 40 dan 50 tahun dilihat lebih banyak memenuhi ICU berbanding warga emas berusia 60 tahun dan ke atas," katanya.

*Nasional* 3

## *Tahap profesional vaksinator dipuji*

Bukan sembarangan orang boleh menjadi pemberi vaksin atau vaksinator. Malah, bukan semua jururawat boleh menjadi vaksinator. Penyuntik vaksin perlu ada Perakuan Amalan Tahunan (APC) dan mengikuti garis panduan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM). Tinjauan *BH* di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) semalam, mendapati proses suntikan dibuat secara profesional dan telus kepada setiap penerima vaksin. *Nasional* 5 (Foto Rohanis Shukri/ BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Isu pegawai perubatan, pergigian, farmasi

# Tawar lanjutan kontrak 2 tahun

## Kementerian Kesihatan rangka pelan komprehensif, inklusif

Oleh Fahmy A Rosli dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan mengumumkan penambahbaikan sistem perkhidmatan bagi pegawai perubatan, pergigian dan farmasi lantikan kontrak, dalam usaha memastikan kebajikan mereka terpelihara.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata antara keputusan yang dibuat adalah menawarkan lanjutan kontrak untuk tempoh dua tahun kepada kakitangan terbabit, selain menambah baik pelbagai kemudahan atau faedah kepada mereka.

Perdana Menteri juga mengarahkan Kementerian Kesihatan (KKM) dan kementerian serta agensi berkaitan, merangka sebuah pelan komprehensif dan inklusif, merangkumi tindakan segera, pelan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang, bagi memastikan kebajikan dan laluan kerjaya pegawai terbabit diberi perhatian sewajarnya serta bersifat adil.

"Lanjutan kontrak ini selepas mereka melengkapkan tempoh khidmat wajib bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan dan persediaan untuk mengikuti pengajian kepakaran.

"Kerajaan bersetuju melanjutkan pelantikan secara kontrak untuk tempoh maksimum empat tahun ke atas kepada pegawai yang diterima mengikuti pengajian kepakaran dalam tempoh kontrak dua tahun pertama.

"Langkah ini bagi memastikan pegawai berkenaan berjaya melengkapkan pengajian kepakaran masing-masing," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Muhyiddin berkata, kerajaan juga bersetuju untuk menambah baik kemudahan atau faedah yang ditawarkan kepada pegawai terbabit seperti Cuti Tugas Khas Perubatan, Cuti Tibi dan kemudahan tambang mengunjungi wilayah asal.

> Kerajaan bersetuju melanjutkan pelantikan secara kontrak untuk tempoh maksimum empat tahun ke atas kepada pegawai yang diterima mengikuti pengajian kepakaran

*Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri*

Katanya, ketetapan itu dibuat selepas KKM membentangkan satu kertas cadangan kepada Mesyuarat Kabinet pada 14 Julai berhubung penambahbaikan kumpulan pegawai perubatan, pergigian dan farmasi lantikan kontrak.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga memahami kebimbangan dan masalah dihadapi kumpulan terbabit berhubung kesetaraan laluan kerjaya mereka.

Untuk tujuan itu, beliau berkata, Kabinet bersetuju supaya pelantikan secara kontrak diuruskan mengikut kesetaraan kerjaya pegawai tetap dan ditawarkan Cuti Belajar Bergaji penuh.

Selain itu, katanya, mereka juga ditawarkan tajaan pengajian yang setara dengan Cuti Belajar Bergaji Penuh dan Hadiah Latihan Persekutuan.

"Keputusan ini juga akan memberi ruang kepada kerajaan untuk memuktamadkan kajian reformasi sistem kesihatan yang sedang dilaksanakan, meneliti ketetapan sedia ada dalam Akta Perubatan 1971 dan merangka hala tuju jangka panjang bagi perkhidmatan perubatan.

"Kerajaan amat menghargai sumbangan kumpulan ini sebagai barisan hadapan dalam berhadapan perang COVID-19.

"Kerajaan akan terus komited untuk memastikan kebajikan dan laluan kerjaya pegawai ini diberikan perhatian sewajarnya serta bersifat adil," katanya.

Sementara itu, KKM percaya tawaran kerajaan itu memberi harapan baharu kepada pegawai perubatan kontrak terbabit untuk meneruskan perkhidmatan mereka.

Ketua Setiausahanya, Datuk Mohd Shafiq Abdullah, berkata sejak 2014 hingga tahun lalu, kira-kira 600 pegawai perubatan kontrak meletakkan jawatan dan ia bukan satu trend yang tinggi serta membimbangkan.

"Pegawai yang letak jawatan ini atas pelbagai sebab, jadi kita tidak nampak trend yang tinggi.

"Kami berpandangan mereka akan sentiasa setia dalam perkhidmatan apatah lagi dalam keadaan pandemik ketika ini," katanya pada sidang media khas, semalam.

Beliau berkata, lanjutan kontrak itu adalah langkah permulaan dan KKM akan mengkaji kaedah yang boleh dilaksanakan untuk jawatan tetap, dengan faedah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), selain menambah baik Akta Perubatan 1971.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

# Pesakit COVID-19 warga emas mula berkurangan di wad ICU

*Dari Muka 1*

Beliau berkata demikian pada sidang media mingguan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) yang diadakan secara maya, semalam.

Hadir sama, Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Mengulas lanjut mengenai situasi itu, Dr Adham berkata, ini membuktikan keberkesanan vaksin kerana penempatan di ICU mulai berkurangan dalam kalangan pesakit COVID-19 warga emas.

"Situasi semasa membuktikan vaksin telah banyak membantu mengurangkan kes serius (kategori tiga, empat dan lima) dalam kalangan golongan rentan atau warga emas.

"Sejak mendapat vaksin pada fasa kedua hingga sekarang, data menunjukkan kemasukan kategori ini menurun dengan baik, sebagai contoh seperti apa yang berlaku di Labuan.

"Bagi kumpulan berusia 40 dan 50 tahun ini, golongan ini masih dalam proses mendapatkan vaksinasi, kumpulan ini paling ramai berada dalam hospital, yang mana mereka dirawat bagi kategori empat dan lima," katanya.

*Dr Adham Baba*

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, ketika mengulas mengenainya, berkata berbanding kumpulan berusia 60 tahun ke atas, golongan berusia 40 dan 50 tahun ketika ini paling ramai dirawat di ICU disebabkan proses vaksinasi membabitkan kumpulan itu masih berjalan.

"Dalam kita merawat pesakit, apa yang kita bimbangkan adalah mereka dalam kategori empat dan lima sebab mereka paling ramai dirawat dalam ICU. Jadi kita berharap dengan perubatan yang ada, kita mampu merawat mereka.

"Sukar menentukan jumlah mereka dalam lingkungan umur 40 dan 50 tahun sebab angka (menerima rawatan di (ICU) berubah-ubah. Sebab itu kita kategorikan mereka mengikut kategori rawatan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Adham menafikan berlaku percanggahan data dilaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai pesakit COVID-19 kategori satu hingga lima. Menurutnya, sumber data KKM adalah berdasarkan keadaan pesakit ketika pertama kali mendapat rawatan di fasiliti kesihatan.

"Saya ingin tegaskan, kategori pesakit semasa pertama kali mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan ada kemungkinan pada tahap satu dan dua tetapi masih boleh berubah dengan cepat dan dinamik untuk beralih ke kategori empat dan lima.

"Ini bergantung kepada latar belakang dan aspek komorbiditi pesakit itu sendiri," katanya. Beliau mengulas persoalan banyak pihak mengenai percanggahan data dikeluarkan KKM berhubung jumlah pesakit kategori empat dan lima yang dikatakan menimbulkan kekeliruan.

# Penduduk 18 tahun ke atas boleh 'walk in'

**Kuala Lumpur:** Penduduk dewasa berusia 18 tahun ke atas di ibu negara, Selangor dan Putrajaya yang masih belum menerima janji temu, boleh mendapatkan vaksin COVID-19 secara 'walk in' selepas Operasi Lonjakan Kapasiti berakhir 1 Ogos ini.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, berkata pihaknya akan umumkan pusat pemberian vaksin (PPV) yang akan dibuka untuk kemudahan itu tidak lama lagi.

"Selepas Operasi Lonjakan Kapasiti tamat 1 Ogos ini, penduduk dewasa berusia 18 tahun ke atas yang belum terima janji temu, akan dibenarkan mendapatkan vaksinasi secara 'walk in'.

"Kita akan umumkan PPV yang akan dibuka untuk kemudahan 'walk in' di Kuala Lumpur dan Selangor tidak lama lagi," katanya pada sidang media mingguan Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) secara maya, semalam. Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Mengulas Operasi Lonjakan Kapasiti, Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, sebanyak 432,843 dos suntikan sudah diberikan dalam tempoh dua hari iaitu Rabu dan Khamis lalu dengan 293,100 daripadanya membabitkan dos pertama.

# Kerajaan tak keluar kad suntikan

**Putrajaya:** Kerajaan belum mengeluarkan sijil lengkap pengambilan dos vaksin berbentuk kad yang dicetak, kata Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Khairy Jamaluddin.

Beliau menegaskan sebarang kad yang dijual di pasaran dan ditularkan baru-baru ini, bukan dikeluarkan oleh kerajaan.

"Tidak ada kad fizikal, hanya ada sijil digital di aplikasi MySejahtera. Itu sahaja," katanya pada sidang media perkembangan PICK bersama Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba di sini semalam.

Dr Adham turut menegaskan bahawa kad itu tidak diiktiraf kerajaan.

Katanya, kerajaan akan mengeluarkan MY COVID-19 Vaccination Badge dalam bentuk kad dicetak tidak lama lagi sebagai bukti bahawa seseorang individu telah menerima suntikan vaksin COVID-19. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Kelonggaran ikut kriteria

## Kementerian bentang kepada MPN kemudahan diberi individu lengkap dua dos vaksin

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Latifah Arifin dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kelonggaran kepada penerima dos lengkap vaksin COVID-19 dibuat dengan mengambil kira beberapa kriteria termasuk lokasi yang sudah mencapai 30 hingga 40 peratus kadar vaksinasi dan sektor tertentu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) sudah membentangkan beberapa kriteria kepada Majlis Pemulihan Negara (MPN) mengenai kemudahan atau kelonggaran yang boleh diberikan kepada individu yang sudah lengkap dos vaksin COVID-19.

"Setakat ini, secara keseluruhannya, 21 peratus rakyat di negara ini sudah divaksinasi dan kita sudah melepasi nilai ambang 10 peratus untuk bergerak dari fasa satu ke fasa dua kawalan pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

"Bagi memasuki Fasa Tiga, kita perlu sekurang-kurangnya 40 peratus penduduk divaksinasi, bagaimanapun ada sesetengah tempat sudah capai lebih daripada jumlah itu," katanya pada sidang media khas, semalam.

Dr Adham berkata, perkara itu akan diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak lama lagi.

Selain itu, beliau berkata, semua hospital sudah diarah menggunakan ubat baricitinib bagi merawat pesakit COVID-19 untuk mencegah peningkatan risiko kesihatan yang lebih meruncing.

Beliau berkata, ubat antiviral dan antiradang itu berupaya merawat pesakit COVID-19, sekali gus mengelak mereka daripada beralih kepada kategori lebih teruk.

"Ketua Pengarah Kesihatan (Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah) sudah memaklumkan kepada semua hospital untuk menggunakan ubat ini dan peruntukan untuk memperolehnya sudah dimaklumkan oleh Ketua Setiausaha KKM (Datuk Mohd Shafiq Abdullah).

"Kita mempercepatkan penggunaan ubat ini kerana yakin keberkesanannya dapat mencegah peningkatan risiko pesakit kepada kategori yang lebih teruk seperti daripada kategori empat kepada lima," katanya

Sebelum ini, Dr Adham dilaporkan berkata, KKM menggunakan formulasi ubat baharu bagi mencegah risiko pesakit kategori satu dan dua daripada menghidapi radang paru-paru.

Beliau berkata, maklumat berhubung peningkatan atau peralihan daripada pesakit kategori satu kepada keadaan kesihatan yang lebih meruncing, iaitu kategori tiga hingga lima adalah sangat dinamik.

Sehubungan itu, katanya, KKM sentiasa memantau dan mewajibkan pesakit membuat penilaian kesihatan kendiri menerusi aplikasi MySejahtera.

"Sekarang ini kita gunakan formulasi ubat baharu, iaitu dengan memberikan baricitinib, dengan kadar dua hingga empat miligram kepada individu disahkan positif COVID-19," katanya.

*Penduduk mukim Johol menunggu giliran untuk mendapatkan suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bergerak yang dikendalikan Institut Jantung Negara Kuala Lumpur di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Undang Abdul Manap, Johol, semalam.* (Foto BERNAMA)

# Jangkitan harian tertinggi 15,573 kes baharu

**Putrajaya:** Malaysia sekali lagi mencatatkan kes harian COVID-19 tertinggi semalam, iaitu 15,573 kes baharu, dengan Selangor merekodkan separuh daripadanya, iaitu 7,672 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes itu, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 meningkat kepada 980,491 kes.

Katanya, daripada jumlah kes yang dilaporkan semalam, 8,273 kes atau 53.1 peratus berada dalam kategori satu dan tidak menunjukkan gejala, manakala 7,095 kes bersamaan 45.6 peratus pula dalam kategori dua, iaitu bergejala ringan.

"Sebanyak 102 kes atau 1.3 peratus bagi kes pesakit COVID-19 kategori tiga, 74 kes kategori empat dan 29 kes kategori lima yang memerlukan bantuan oksigen serta kritikal," katanya pada sidang media di Kementerian Kesihatan (KKM), semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kuala Lumpur pula mencatatkan 2,063 kes, diikuti Kedah dengan 937 kes baharu, Johor (722), Negeri Sembilan (682), Pulau Pinang (530), Sabah (516), Sarawak (461), Pahang (457), Melaka (452), Perak (415), Kelantan (372) dan Terengganu (229).

"Turut mencatatkan pertambahan kes hari ini (semalam) ialah Putrajaya dengan 41 kes, Labuan (21) dan Perlis (tiga)," katanya.

Mengenai kes kematian yang dilaporkan semalam, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 66 kes di Selangor, Kuala Lumpur (16), Johor (15), Melaka (13), Negeri Sembilan (10), Pahang (lapan), Kedah (enam), Sarawak (tiga), masing-masing dua di Perak serta Pulau Pinang dan masing-masing satu kes di Sabah, Terengganu dan Labuan.

Beliau juga berkata, 16 daripada 30 kluster baharu membabitkan kalangan komuniti, lapan di tempat kerja, empat kumpulan berisiko tinggi, manakala masing-masing satu dalam kumpulan keagamaan institusi pendidikan tinggi.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, terdapat 10,094 kes sembuh dilaporkan, iaitu angka tertinggi pernah dicatatkan sepanjang penularan COVID-19 di negara sejak tahun lalu, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 ialah 825,387 kes.

Beliau berkata, sehingga kini sebanyak 147,393 kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 di negara ini.

"Daripada jumlah itu, 939 kes masih dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 456 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.

**Terkini COVID-19**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 10,094 Pulih, dibenar keluar hospital, semalam | 15,573 Kes baharu disahkan, semalam | 7,718 Jumlah kematian dicatat | 980,491 Jumlah kes disahkan positif | 147,386 kes yang masih dirawat |

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Hospital Bukit Mertajam jadi hospital Covid-19 hibrid

**SHAH ALAM** - Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang menjadikan Hospital Bukit Mertajam (HBM) sebagai hospital hibrid Covid-19 bermula Ahad susulan peningkatan kes wabak tersebut yang memerlukan rawatan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi satu hantaran di Facebooknya pada Ahad memaklumkan, selepas perancangan dan persiapan rapi selama enam hari, hospital tersebut kini bersedia mengambil pesakit Covid-19 pertama pagi semalam.

"Terdapat 72 katil dengan paip oksigen yang dikhaskan untuk pesakit Covid-19. Bilangan katil juga boleh ditingkatkan sehingga 120 katil jika keperluan bertambah.

"Ia juga dapat menerima pesakit hemodialisis yang dijangkiti Covid-19 memandangkan hospital tersebut dilengkapi dengan kemudahan hemodialisis di katil.

"Semua perkhidmatan kepakaran di HBM tetap diberikan meskipun kapasiti bagi disiplin pembedahan, obstetrik dan ginekologi serta pediatrik akan dikurangkan," katanya.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan, pesakit bukan Covid-19 akan dipindahkan ke pusat kesihatan di Hospital Kluster Seberang Perai sekiranya diperlukan.

"Terima kasih kepada pasukan HBM dan Edgenta Mediserve, HBM kerana menjayakan langkah yang diambil ini," ujarnya.

**Terdapat 72 katil di HBM yang disediakan dengan paip oksigen khas untuk pesakit Covid-19.**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

**PARLIMEN**

- **Yang Dipertua Dewan Rakyat:** Datuk Azhar Azizan Harun.
- **Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat:**
  - Datuk Seri Azalina Othman Said.
  - Datuk Seri Mohd. Rashid Hasnon.
- **Perdana Menteri (Ketua Kerajaan):** Tan Sri Muhyiddin Yassin (Bersatu-Pagoh)
- **Ketua Pembangkang:** Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson).

**JUMLAH TERKINI AHLI PARLIMEN**

| | |
|---|---|
| **Kerajaan** | **115** |
| Parti Pribumi Bersatu Malaysia: | 31 |
| UMNO: | 38 |
| MIC: | 1 |
| MCA: | 2 |
| Pas: | 18 |
| PRS: | 2 |
| SUPP: | 1 |
| PDP: | 2 |
| PBB: | 13 |
| PBRS: | 1 |
| PBS: | 1 |
| STAR: | 1 |
| Bebas: | 4 |
| **Pembangkang** | **105** |
| DAP: | 42 |
| PKR: | 35 |
| Amanah: | 11 |
| Warisan: | 8 |
| UPKO: | 1 |
| PSB: | 2 |
| Pejuang: | 4 |
| Bebas: | 2 |
| **Keseluruhan** | **220** |

(Dua kekosongan kematian Parlimen Batu Sapi dan Gerik)

## 992 kluster aktif Covid-19, 17,045 kes positif

# Kes melangkau 1 juta

**Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR**
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia terus merekod peningkatan kes positif Covid-19 sebanyak 17,045 kes, semalam mengatasi kes sembuh iaitu 9,683 kes.

Selepas 18 bulan sejak negara dilanda kes pertama Covid-19 pada 25 Januari 2020, Malaysia mencatat 1.013 juta kes dijangkiti virus maut ini dengan 7,994 kematian setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, 92 kematian dicatatkan dengan 970 kes di unit rawatan rapi (ICU) selain 501 kes memerlukan bantuan pernafasan dan 160,903 kes aktif.

"Selangor terus menjadi penyumbang terbesar apabila merekodkan sebanyak 8,500 kes diikuti Kuala Lumpur (2,045), Kedah (1,216), Johor (950), Sabah (818), Perak (609), Pulau Pinang (573), Negeri Sembilan (513), Pahang (424), Sarawak (407), Melaka (370), Terengganu (273) dan Kelantan (266).

DR. NOOR HISHAM ABDULLAH

"Dua wilayah mencatatkan kes dua angka Putrajaya (50) dan Labuan (21) manakala Perlis (10)," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mengulas mengenai 92 kematian, beliau berkata, Selangor terus menjadi penyumbang terbanyak iaitu 27 kes diikuti 23 kes di Johor, 12 kes di Kuala Lumput, 11 kes di Negeri Sembilan, lima kes di Melaka, empat kes di Kedah, tiga kes di Pahang, masing - masing dua kes di Sabah dan Sarawak, serta masing -masing satu kes di Perak, Terengganu dan Labuan.

"Kematian melibatkan 50 lelaki dan 42 wanita dengan 84 pesakit mempunyai latar belakang penyakit; lapan kematian di rumah dan dua kes melibatkan warga asing," katanya.

Setakat semalam, terdapat pertambahan 34 kluster baharu Covid-19 dengan tempat kerja merekodkan 18 kluster diikuti 15 kluster komuniti dan satu kluster kumpulan berisiko tinggi sekali gus menjadi keseluruhan 992 kluster aktif sehingga semalam.

Kluster tempat kerja melibatkan Tapak Bina Jalan Meranti di Bentong, Pahang (121); Padang Kubu di Kem aman, Terengganu (103); Tapak Bina Kampung Sedeng di Segamat, Johor (96); Lengkok Rishah Dua di Kinta, Perak (62); Bagan Sabak di Sabak Bernam, Selangor (59) Industri Jalan Bebas Lapan di Petaling dan Klang, Selangor (48); Gipan Kolombong di Kota Kinabalu dan Tuaran, Sabah (40); Industri Mahkota Satu di Hulu Langat, Selangor (40); Persiaran Desa Tebrau di Johor Bahru, Johor (37); Tapak Bina Kluang Perdana di Kluang, Johor (33).

**APAKAH YANG BERLAKU DALAM SIDANG KHAS PARLIMEN HARI INI?**

1. Aturan Urusan Mesyuarat yang hanya akan melibatkan pembentangan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat mengikut Peraturan 11 (3) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.
2. Ahli-ahli Parlimen tidak dibenarkan membawa usul ke dalam Dewan Rakyat untuk dibahaskan.
3. Tiada sebarang usul dikemukakan dalam persidangan sama ada usul percaya atau tidak percaya kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku Perdana Menteri apatah lagi usul membahas Proklamasi Darurat.
4. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan membuat penerangan berkenaan pelaksanaan darurat bersama-sama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz.
5. Pembentangan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat bagi sidang khas itu bermaksud dokumen-dokumen tersebut diletak di atas meja ahli-ahli Parlimen, bukan untuk dibahaskan dan diundi.
6. Anggota-anggota Dewan Rakyat boleh bertanyakan soalan hanya selepas menteri-menteri selesai setiap sesi penerangan dan terhad kepada isu merangkumi penerangan menteri.
7. Ketika sesi penerangan menteri-menteri, Yang Dipertua Dewan Rakyat mempunyai budi bicara untuk membenarkan sama ada soalan-soalan ataupun perbahasan dalam topik yang dibentangkan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Pematuhan SOP rendah punca peningkatan kes jangkitan

# Sepakat lawan Covid-19

**Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM**
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kemerosotan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) segelintir pihak mengakibatkan seluruh negara terkesan sehingga memberi gambaran gagal mengawal penularan Covid-19.

Untuk itu Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, usaha mengekang penularan Covid-19 memerlukan kerjasama semua pihak terutama masyarakat dalam mematuhi ketat SOP yang merupakan penghalang utama risiko jangkitan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, jelas beliau, Kementerian Kesihatan menggariskan langkah-langkah penjagaan kesihatan terbaik bagi memutuskan rantaian jangkitan di samping berusaha memastikan sistem kesihatan tidak tergangu dalam memberi rawatan kepada pesakit yang dijangkiti.

"Pandemik Covid-19 adalah wabak yang belum pernah berlaku dan melanda di seluruh dunia. Setiap hari kita belajar pengetahuan baharu tentang wabak ini dan mengkaji cara mengatasinya bagi mengelak penularan lebih dahsyat apatah lagi dengan kemunculan varian baharu yang lebih membimbangkan.

"Salah satu usaha ialah vaksinasi dan negara kini menjadi antara negara terpantas di dunia dalam usaha ini apabila rekod 500,000 sehari pemberian vaksin sudah dicapai. Kita sedang menuju kejayaan untuk melawan peperangan ini dan kunci utama ialah kerjasama semua pihak," katanya di sini semalam.

Kelmarin, Pakar Perubatan Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Sazaly Abu Bakar tidak menolak kemungkinan angka sebenar kes jangkitan harian adalah tiga kali ganda lebih tinggi berbanding dilaporkan dan boleh mencecah sehingga 30,000 kes sehari.

Beliau berkata, hakikat yang patut diterima adalah negara telah gagal dalam mengawal penularan wabak dan sudah merebak dalam masyarakat dengan meluas dan menjangkakan penurunan jangkitan kes hanya apabila menghadapi satu masa di mana semua yang patut dijangkiti telah dijangkiti.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam UM, Prof. Dr. Victor Hoe Chee Wai Abdullah pula berpendapat, jangkitan kes positif terus meningkat sekiranya rakyat masih tidak mematuhi SOP yang ditetapkan.

**DUA petugas penyelenggaraan memeriksa kontena menyimpan mayat sumbangan Maritime Network Sdn. Bhd. yang diletakkan berhampiran Jabatan Forensik Hospital Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/ ZULFADHLI ZAKI**

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Kementerian Kesihatan memperkenalkan sumber data terbuka, github.com yang mana semua pihak boleh mengakses segala analisis data mengenai pandemik Covid-19 di negara ini.

Ia sekali gus menafikan dakwaan mengatakan kerajaan menyorok atau tidak melaporkan data sebenar jangkitan kes.

Menurut Dr. Noor Hisham, melalui data terbuka itu yang dibangunkan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan MySejahtera itu diharap mampu memperluaskan analisis dan memanfaatkan kepakaran dari semua peringkat masyarakat serta lapangan sebagaimana pangkalan data, OurWorldInData.

Bagaimanapun beliau berkata, dengan program vaksinasi negara yang kini antara paling kedepan di dunia dalam pelaksanaan program itu, semua pihak perlu melihat usaha tersebut adalah melangkaui jumlah kes positif harian yang direkodkan.

Melalui sumber data itu, segala data berhubung kes kemasukan ke hospital, jumlah kes di unit rawatan rapi (ICU) termasuk perincian analisis kluster-kluster berdasarkan penularan jangkitan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS

970 IN I.C.U.

# INFECTIONS PASS ONE MILLION MARK

## Record high of 17,045 cases yesterday, 92 fatalities

HANA NAZ HARUN
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

MALAYSIA passed the grim milestone of one million Covid-19 cases after recording yet another record high of 17,045 new infections yesterday.

The country had registered five-digit numbers daily since July 13, and has broken new daily highs for three days in a row since Friday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said this raised the cumulative cases to 1,013,438, with 160,903 (15.89 per cent) active cases.

To date, 970 people are warded in the intensive care units of hospitals, with 501 requiring ventilator support.

Selangor continued to record the highest number of infections at 8,500, followed by the capital here at 2,045. Kedah saw a spike in cases, rising from 867 on Saturday to 1,216 yesterday.

Dr Noor Hisham said in Selangor, 72 per cent of the positive cases had undergone Covid-19 confirmation tests either at a clinic or private laboratory.

"This is the same scenario in other states. It shows the increased level of awareness of the public in being screened, especially if they are symptomatic," he said in a statement yesterday.

Most states logged three-digit cases, including Johor (950), Sabah (818), Perak (609), Penang (573), Negri Sembilan (513), Pahang (424), Sarawak (407), Melaka (370), Terengganu (273) and Kelantan (266).

Putrajaya, Labuan and Perlis recorded 50, 21 and 10 cases, respectively.

He also said 92 people had died yesterday, increasing the number of fatalities to 7,994.

A total of 27 deaths were reported in Selangor, 23 in Johor, 12 in Kuala Lumpur, 11 in Negri Sembilan, five in Melaka, four in Kedah, three in Pahang, two each in Sabah and Sarawak, and one each in Perak, Terengganu and Labuan.

Dr Noor Hisham said 9,683 people had recovered (83.33 per cent) from the infection.

Meanwhile, of the total number of new cases, 1.1 per cent or 187 people were classified in Category 5 (critical and requiring ventilator assistance) of the infection, 0.7 per cent or 124 people in Category 4 (pneumonia and requiring oxygen assistance); and 0.7 per cent or 122 people in Category 3 (pneumonia).

*Streets in Kuala Lumpur are empty yesterday as daily Covid-19 infections hit an all-time high.* BERNAMA PIC




A majority of the cases reported yesterday were in Categories 1 (non-symptomatic) and 2 (mild symptoms).

A total of 9,123 (53.5 per cent) of the cases were in Category 1, and 7,489 (43.9 per cent) in Category 2.

The ministry also detected 34 new clusters — six each in Sabah and Johor, five each in Kelantan and Selangor, three each in Pahang and Kedah, and one each in Terengganu, Negri Sembilan and here.

He said 18 new clusters were linked to the workplace, 13 were community clusters, and one cluster involved a high-risk group. There were currently 992 active clusters in the country.

On the country's infectivity rate (Rt), Dr Noor Hisham said Terengganu reported the highest Rt at 1.36, followed by Kelantan (1.29), Kedah (1.23), Penang (1.23) and Sabah (1.21).

Johor had an Rt of 1.19, Putrajaya at 1.17, Pahang and Selangor at 1.15, Kuala Lumpur and Perak at 1.13, Melaka at 1.05, Negri Sembilan at 1.03, and Sarawak at 1.0. Labuan and Perlis reported an Rt of 0.69 and 0, respectively.

This brought the nation's average Rt to 1.11.

*Page 1 caption: Civil Defence, Health Ministry and state religious personnel preparing to bury a Covid-19 victim at the Taman Bukit Rambai Muslim cemetery in Melaka yesterday.*

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

# Administered vaccine doses to hit 17 million

**KUALA LUMPUR:** Malaysia's total number of vaccine doses administered since the launch of the National Covid-19 Immunisation Programme is nearing the 17-million mark.

According to Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said, a total of 16,904,896 vaccine doses had been administered as of Saturday.

In a Twitter post, he said a total of 5,397,826 people in Malaysia had received their full two doses as of 11.59pm on Saturday.

"A total of 11,507,070 people have received their first jab," he added.

On the daily vaccination rate, Dr Adham said 417,738 doses were administered on Saturday, with 284,672 people getting their first jab and 133,066 people getting their second jab. — Bernama